

Penduduk mahu jambatan baharu

Oleh ABD RAZAK OSMAN
razak@kosmo.com.my

BANDAR BAHARU – Kira-kira 200 penduduk di Kampung Teluk Sera merayu agar jambatan konkrit Sungai Chelong di sini yang runtuh selepas hujan lebat pada Jumaat lalu diganti-segera.

Jambatan itu merupakan laluan utama penduduk di kawasan itu sejak tahun 2000 dan jika masalah itu dibiarkan, ia menimbulkan masalah kepada penduduk.

Seorang penduduk, Aziz Buang, 58, berkata, jambatan itu menjadi laluan kepada penduduk untuk membawa hasil tanaman ke pekan Bandar Baharu.

“Jika tidak dibaiki bagaimana kami hendak bawa tanaman dan jual ke bandar,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Aziz, jambatan itu pernah rosak pada tahun 2008 tetapi masih boleh di-



AZIZ



**Anda SMS
Kami Siasat**

Langkah 1
<vkadu>
<jarak>

Langkah 2
<taip
aduan>

Langkah 3
<nama>

Langkah 4
hantar ke
32773

baiki dan digunakan.

“Kali ini akibat hujan lebat, ia ranap terus dan tenggelam terus ke dalam sungai,” katanya.

Buat sementara, penduduk terpaksa menggunakan jalan alternatif yang memakan masa kira-kira dua jam untuk ke pekan Bandar Baharu.

Justeru, Aziz berharap ia dapat diganti pada kadar segera kerana jambatan tersebut merupakan jalan utama kepada 18 buah keluarga di kampung mereka.

Sementara itu, Pegawai Khas Penyelaras Parlimen Kulim Bandar Baharu, Helmi Abdul Khan memberitahu, pihaknya telah mem-

buat lawatan ke tempat itu semalam.

Menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah diminta membina jambatan baharu di kawasan terbabit bagi keperluan penduduk.

Sementara itu, Jurutera JPS Kulim Bandar Baharu, Azli Ahmad berkata, anggaran kos bagi membina jambatan baharu itu bernilai RM180,000.

“JPS akan mempercepatkan pembinaan jambatan baharu itu seberapa segera memandangkan ia satu keperluan mendesak kepada penduduk di kawasan berkenaan,” katanya.



HELMI (kanan) dan Aziz melihat jambatan yang runtuh di Sungai Chelong, Bandar Baharu, Kedah semalam.